



MOD.100-2/1/2 Jld 6 (73) 01/11

ANUGERAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN ATM
BUKTI KEPRIHATINAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

1. **KUALA LUMPUR, 5 November 2024 – Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah menyempurnakan Majlis Anugerah Kecemerlangan Pendidikan (AKP) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Tahun 2024 meliputi Zon Tengah kepada seramai 113 orang pelajar** bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan, hari ini.
2. Majlis AKP ATM yang dilaksanakan setiap tahun bermula tahun 1991 ini adalah merupakan program inisiatif dikelolakan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF), Jabatan Arah Pendidikan (JAP) ATM dan Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT). Sejak tahun 1991, Yayasan LTAT atau sebelum ini dikenali sebagai Yayasan Warisan Perajurit telah menyalurkan pemberian dan dermasiswa kepada lebih 14,000 ribu anak-anak warga ATM dengan peruntukan sebanyak RM 12 juta.
3. Majlis ini adalah merupakan satu **manifestasi penghargaan khas serta galakan buat anak-anak warga ATM yang telah memperolehi keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2023 untuk terus melangkah maju dalam akademik.** Pengiktirafan yang diberikan ini sedikit sebanyak dilihat mampu menjadi suri teladan dan inspirasi kepada anak-anak warga ATM yang lain.
4. Selaras dengan Teras Ketiga Pelan Strategik MINDEF 2021-2025 (Pelestarian Kesejahteraan Warga Kerja Pertahanan) dalam aspek memperkasakan pendidikan, Yayasan LTAT juga sentiasa menyokong dan berusaha mewujudkan pelbagai inisiatif baharu meliputi Program Sentuhan Elit SPM, Jejak Bakat Anak Tentera dan LAKSAMANA yang telah terbukti berjaya menyumbang kepada kejayaan anak-anak warga ATM dalam pendidikan.

5. Penganjuran majlis ini juga menterjemahkan komitmen dan iltizam berterusan Kementerian Pertahanan bersama Yayasan LTAT dalam meningkatkan kesejahteraan pendidikan anak-anak warga ATM terus terjaga menerusi penyediaan asas pendidikan yang kukuh untuk masa hadapan mereka.

6. Turut hadir adalah Timbalan Menteri Pertahanan; YB Adly bin Zahari, Panglima Angkatan Tentera; Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab. Rahman, Panglima Tentera Laut; Laksamana Datuk Zulhelmy bin Ithnain, Panglima Tentera Udara; Leftenan Jeneral Tan Sri Dato' Sri Mohd Ashgar Khan bin Goriman Khan TUDM, Pengerusi LTAT; Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM (Bersara), Ketua Eksekutif LTAT; Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi dan Ketua Eksekutif Yayasan LTAT; Dato' Dr. Mohamad Nizar bin Haji Sudin.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

**Kementerian Pertahanan Malaysia
5 November 2024 (jam 3.15 ptg)**